

MEMPERKENALKAN *GROUP RELIEF* SEBAGAI LAYANAN CUKAI

Kedudukan Semasa

Group relief membenarkan kerugian suatu syarikat ditolak daripada pendapatan suatu syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Pada masa ini, hanya syarikat yang melabur dalam pengeluaran makanan yang diluluskan, ladang hutan, bioteknologi, nanoteknologi, optik dan fotonik diberi *group relief* bagi kerugian yang ditanggung oleh syarikat subsidiari yang menjalankan projek berkenaan. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat lain tidak layak mendapat *group relief*.

Cadangan

Bagi meningkatkan pelaburan swasta dalam projek-projek berisiko tinggi, dicadangkan *group relief* diberi kepada semua syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia. *Group relief* ini dihadkan kepada 50% kerugian tahun semasa yang tidak diserap ditolak daripada pendapatan syarikat lain dalam kumpulan yang sama (termasuk syarikat baru dalam aktiviti pengeluaran makanan yang diluluskan, ladang hutan, bioteknologi, nanoteknologi, optik dan fotonik) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. syarikat menuntut dan syarikat menyerah masing-masing mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta;
- ii. kedua-dua syarikat menuntut dan syarikat menyerah hendaklah mempunyai tempoh perakaunan yang sama;
- iii. pegangan ekuiti langsung atau tidak langsung syarikat menuntut dan syarikat menyerah di dalam kumpulan hendaklah tidak kurang daripada 70%;
- iv. pegangan ekuiti 70% tersebut hendaklah secara berterusan pada tahun sebelumnya dan tahun berkenaan;
- v. kerugian akibat pengambilalihan hak proprietari atau pengambilalihan syarikat hak milik asing tidak diambil kira bagi tujuan *group relief*; dan
- vi. syarikat yang sedang menikmati galakan berikut tidak layak mendapat *group relief*.

- a. Taraf Perintis;
- b. Elaun Cukai Pelaburan/Elaun Pelaburan;
- c. Elaun Pelaburan Semula;
- d. Pengecualian cukai keuntungan perkapalan;
- e. Pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- f. Syarikat pelabur yang mendapat galakan potongan bersamaan dengan pelaburan yang dibuat dalam aktiviti digalakkan seperti bahan makanan dan bioteknologi.

Dengan pengenalan galakan di atas, galakan *group relief* sedia ada bagi aktiviti pengeluaran makanan yang diluluskan, ladang hutan, bioteknologi, nanoteknologi, optik dan fotonik tidak akan diteruskan lagi. Walau bagaimanapun, syarikat yang telah diluluskan *group relief* dalam bidang tersebut boleh terus dibenarkan menolak pendapatannya dengan 100% kerugian syarikat subsidiari berkenaan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**MEMPERKEMASKAN LAYANAN CUKAI BAGI
SYARIKAT BERTARAF PERINTIS**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat bertaraf perintis tidak dibenarkan membawa ke hadapan kerugian dan elaun modal yang tidak dapat diserap dalam tempoh perintis ke tempoh *post-pioneer*. Layanan cukai ini tidak memberi faedah kepada syarikat perintis yang mengalami kerugian.

Cadangan

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan insentif ini, dicadangkan kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap oleh syarikat dalam tempoh perintis dibenarkan dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan perniagaan *post-pioneer* yang berkaitan dengan aktiviti atau produk digalakkan yang sama.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi syarikat yang tempoh Taraf Perintis akan tamat mulai 1 Oktober 2005.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS KERUGIAN
DAN ELAUN MODAL YANG TIDAK DISERAP**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat dibenarkan membawa ke hadapan, tanpa had tempoh, kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak dapat diserap untuk ditolak daripada pendapatan tahun-tahun berikutnya. Malahan, syarikat yang berhenti operasi untuk beberapa tahun masih boleh mengguna pakai kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap untuk ditolak dari pendapatan perniagaan baru atau oleh pemegang saham baru dengan tujuan mengurangkan pendapatan kena cukainya.

Cadangan

Bagi mengelakkan syarikat mengambil kesempatan menggunakan kerugian syarikat lain, dicadangkan kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak dapat diserap oleh sesuatu syarikat tidak dibenarkan dibawa ke hadapan apabila terdapat perubahan dalam pegangan ekuitinya yang melebihi 50%.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**LANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN UNTUK
GALAKAN BAGI KAWASAN DIGALAKKAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat pengilangan, pertanian dan pelancongan di kawasan digalakkan diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% daripada pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;

DAN

- iii. Elaun Infrastruktur 100% ke atas perbelanjaan modal dalam menyediakan infrastruktur seperti pembinaan jambatan, jalan raya dan pelabuhan. Elaun ini boleh ditolak sehingga 85% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Kawasan digalakkan adalah Koridor Timur Semenanjung Malaysia (iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor), Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (hanya untuk industri hotel dan pelancongan).

Walau bagaimanapun, tempoh permohonan bagi galakan di atas adalah sehingga 31 Disember 2005.

Cadangan

Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan (hanya untuk industri hotel dan pelancongan), dicadangkan tempoh permohonan bagi galakan di atas dilanjutkan selama 5 tahun lagi sehingga 31 Disember 2010.

**LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN
SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN**

Kedudukan Semasa

Syarikat pemegang pelaburan atau *Investment Holding Company (IHC)* merupakan sebuah syarikat yang terlibat sepenuhnya (100%) dalam kegiatan pemegang pelaburan dan lazimnya pendapatannya adalah dividen, sewa dan faedah. Pada masa ini, pendapatan IHC dianggap sebagai pendapatan pasif. Oleh itu, IHC hanya dibenarkan potongan ke atas 25% daripada perbelanjaan yang dibenarkan.

Cadangan

Bagi meningkatkan pelaburan oleh IHC, dicadangkan pendapatan IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia, diberi layanan cukai sebagai pendapatan perniagaan dan perbelanjaan IHC dibenarkan potongan sepenuhnya bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. IHC ditakrif semula sebagai sebuah syarikat yang memperoleh sekurang-kurangnya 80% daripada pendapatan kasarnya dari pegangan pelaburan. Walau bagaimanapun, kerugian dan elaun modal yang tidak diserap tidak dibenarkan dibawa ke hadapan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**MELUASKAN SKOP PERBELANJAAN YANG
DIBENARKAN UNTUK SYARIKAT**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perbelanjaan yuran juruaudit syarikat tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan kerana perbelanjaan tersebut tidak menyumbang secara langsung dalam menghasilkan pendapatan.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan pematuhan korporat, dicadangkan perbelanjaan yuran juruaudit syarikat yang perlu dilakukan oleh syarikat dianggap sebagai perbelanjaan yang dibenarkan potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

KELONGGARAN DALAM MENGANGGARKAN CUKAI KENA BAYAR OLEH SYARIKAT

Kedudukan Semasa

Di bawah Sistem Taksiran Sendiri (STS), syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena bayar bagi tahun semasa dan anggaran ini hendaklah tidak kurang daripada anggaran atau anggaran disemak cukai kena bayar bagi tahun sebelumnya. Syarikat dibenarkan menyemak semula anggaran tersebut pada bulan ke-6 dan ke-9 tahun kewangannya. Walau bagaimanapun, layanan semasa tidak mengambil kira perubahan persekitaran ekonomi yang mungkin menjejaskan prestasi syarikat.

Cadangan

Bagi memberi fleksibiliti kepada syarikat untuk menyediakan anggaran cukai kena bayar bagi tahun semasa, dicadangkan anggaran cukai kena bayar tahun semasa bagi syarikat diturunkan dari tidak kurang daripada 100% kepada tidak kurang daripada 85% daripada anggaran atau anggaran disemak tahun sebelumnya.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI
BAGI ASET BERNILAI KECIL**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perbelanjaan yang layak ke atas aset dibenarkan tolakan dalam bentuk elaun modal dalam suatu tempoh masa. Rekod perakaunan yang teratur bagi mengesan nilai baki aset (*tax written-down value*) ke atas setiap aset bernilai kecil adalah menyulitkan dan memakan masa yang lama.

Cadangan

Sebagai langkah memudahkan pengiraan elaun modal ke atas aset bernilai kecil, dicadangkan elaun modal bagi perbelanjaan yang layak ke atas aset tersebut dibenarkan elaun 100% bagi aset bernilai tidak melebihi RM1,000 setiap satu. Walau bagaimanapun, jumlah nilai aset tersebut dihadkan pada RM10,000.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS
PERBELANJAAN FAEDAH BAGI AKTIVITI PAJAKAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat pajakan pada asasnya menjalankan aktiviti pajakan dan bukan pajakan seperti aktiviti sewa beli. Untuk tujuan cukai pendapatan, aktiviti pajakan dan bukan pajakan dianggap sebagai sumber pendapatan daripada perniagaan yang berbeza. Perbelanjaan guna sama untuk kedua-dua aktiviti ini dibahagikan berdasarkan pendapatan kasar. Asas pembahagian ini kurang sesuai memandangkan ia tidak menggambarkan secara bandingan jumlah penggunaan dana bagi setiap aktiviti.

Cadangan

Sebagai usaha untuk menyelaraskan layanan cukai bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pajakan dan bukan pajakan, dicadangkan perbelanjaan faedah di antara kedua aktiviti tersebut dibahagikan berasaskan jumlah modal yang digunakan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**LAYANAN CUKAI KE ATAS ANGGARAN KERUGIAN
BAGI PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH**

Kedudukan Semasa

Pemaju hartanah dikehendaki oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah. Projek perumahan kos rendah lazimnya tidak menguntungkan. Bagi tujuan menganggarkan jumlah cukai kena bayar bagi tahun semasa, pemaju hartanah tidak dibenarkan membuat tolakan anggaran kerugian bagi satu projek pembangunan hartanah daripada anggaran keuntungan projek yang lain.

Cadangan

Untuk menggalakkan pemaju hartanah membina lebih banyak rumah kos rendah, dicadangkan anggaran kerugian dari projek rumah kos rendah dibenarkan ditolak daripada anggaran keuntungan dari projek pembangunan hartanah yang lain untuk tujuan membuat anggaran cukai kena bayar tahun semasa.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

GALAKAN CUKAI BAGI PERCANTUMAN DAN PENGAMBILALIHAN SYARIKAT TERSENARAI

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah telah diberi kepada institusi perbankan, insurans, broker saham dan institusi pengajian tinggi swasta yang menyempurnakan proses percantuman dalam tempoh yang ditetapkan.

Syarikat tersenarai perlu meningkatkan lagi kualiti untuk bersaing di pasaran global. Salah satu langkah meningkatkan daya saing ialah percantuman dan pengambilalihan (P&P) yang membolehkan syarikat tersenarai memperluaskan operasinya, menambah *liquidity*, meluaskan asas modal dan mencapai ekonomi bidangan yang lebih baik.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat tersenarai berkembang dan bersaing di peringkat global, dicadangkan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah diberi kepada syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang melaksanakan P&P. Pengecualian ini diberi tertakluk kepada P&P diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti mulai 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2007 dan pelaksanaan P&P selesai selewat-lewatnya pada 31 Disember 2008.

**MELUASKAN SKOP PERBELANJAAN DIBENARKAN
KE ATAS AMANAH PELABURAN HARTANAH**

Kedudukan Semasa

Amanah Pelaburan Hartanah (APHT), yang juga dikenali sebagai Amanah Saham Hartanah (ASHT), merupakan dana yang digembleng daripada pemegang unit yang terdiri daripada individu dan syarikat bagi pelaburan dalam sektor hartanah dan aset berkaitan.

APHT atau ASHT telah diberi galakan berikut:

- i. keuntungan daripada pelupusan hartanah kepada APHT atau ASHT dikecualikan daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- ii. surat cara pindah milik hartanah daripada individu atau syarikat kepada APHT atau ASHT dikecualikan daripada duti setem;
- iii. APHT atau ASHT diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan kena cukai yang diagihkan kepada pemegang unit;
- iv. pendapatan diagihkan kepada pemegang unit dikenakan cukai pada kadar cukai masing-masing. Bagi pemegang unit bukan pemastautin, kadar cukai yang dikenakan adalah 28% yang dibayar melalui cukai pegangan oleh APHT; dan
- v. pendapatan terkumpul yang telah dikenakan cukai dan diagihkan pada masa hadapan layak mendapat kredit cukai di peringkat pemegang unit.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas fi perunding, perkhidmatan guaman dan penilaian bagi penubuhan APHT atau ASHT tidak diberi potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos penubuhan APHT atau ASHT, dicadangkan perbelanjaan ke atas fi perunding, perkhidmatan guaman dan penilaian bagi penubuhan APHT atau ASHT dibenarkan potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS BON

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, layanan cukai ke atas bon bagi institusi kewangan (FI) dan institusi bukan kewangan (NFI) adalah seperti berikut:

Layanan Cukai	FI	NFI
Pendapatan Diskaun/Premium	Dikenakan cukai pada setiap tahun sehingga tarikh matang bon (Prinsip <i>Accrual</i>)	Dikenakan cukai pada tarikh matang bon (Prinsip <i>Realised</i>)
Perbelanjaan Diskaun/Premium	Dibenarkan potongan pada setiap tahun sehingga tarikh matang bon (Prinsip <i>Accrual</i>)	Dibenarkan potongan pada tarikh matang bon (Prinsip <i>Realised</i>)

Layanan cukai yang berbeza ini tidak menggalakkan NFI memilih bon sebagai sumber pembiayaan alternatif yang menarik.

Cadangan

Untuk menyamakan layanan cukai antara NFI dan FI serta menggalakkan NFI memilih penerbitan bon sebagai sumber alternatif pembiayaan, dicadangkan perbelanjaan diskaun atau premium bagi penerbitan bon diberi potongan pada setiap tahun sehingga tarikh matang bon, iaitu mengikut prinsip *accrual*. Begitu juga dengan pelaburan bon oleh NFI, cukai dikenakan ke atas pendapatan berdasarkan prinsip *accrual*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

MEMPERLUASKAN SKOP ELAUN BANGUNAN INDUSTRI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, hanya bangunan tertentu yang digalakkan diberi Elaun Bangunan Industri (EBI). Bangunan yang diduduki oleh syarikat bertaraf *Multimedia Super Corridor* (MSC) di Cyberjaya tidak layak mendapat EBI.

Cadangan

Bagi menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan di Cyberjaya untuk kegunaan syarikat bertaraf MSC, dicadangkan EBI bagi tempoh 10 tahun diberikan kepada pemilik bangunan baru yang diduduki oleh syarikat bertaraf MSC di Cyberjaya. Bangunan baru termasuk bangunan yang telah siap dibina tetapi masih belum diduduki oleh syarikat bertaraf MSC.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

MEMPERLUASKAN SKOP GALAKAN BAGI AKTIVITI MULTIMEDIA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat multimedia bertaraf MSC yang beroperasi di *Cybercities* (Cyberjaya, Kuala Lumpur City Centre, Technology Park Malaysia, Bayan Lepas di Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park di Kedah) dan fakulti multimedia di institusi pengajian tinggi di luar *Cybercities* layak mendapat galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 100% daripada pendapatan statutori.

Selain daripada itu, syarikat multimedia yang menjalankan aktiviti pembangunan perisian komputer di luar *Cybercities* layak mendapat galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 70% selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60%.

Cadangan

Untuk menggalakkan lagi aktiviti ICT dan multimedia termasuk *Regional Shared Service Centres* di seluruh negara, dicadangkan syarikat terpilih yang menempatkan aktiviti mereka di luar *Cybercities* diberi galakan seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 50% daripada pendapatan statutori.

Syarikat terpilih yang layak mendapat galakan tersebut perlu diperakukan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh MDC mulai 1 Oktober 2005.

**REMITAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PERJANJIAN PINJAMAN
BAGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, duti setem ke atas surat cara bagi pinjaman yang diambil oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dikenakan pada kadar berikut:

- i. RM1.00 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya ke atas nilai pinjaman RM250,000 pertama; dan
- ii. RM5.00 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya ke atas nilai baki pinjaman.

Cadangan

Untuk mengurangkan kos pinjaman, dicadangkan remitan duti setem sebanyak 50% diberikan ke atas surat cara bagi pinjaman sehingga RM1 juta yang diambil oleh PKS. Walau bagaimanapun, bagi baki pinjaman yang melebihi RM1 juta, duti setem dikenakan pada kadar semasa, iaitu RM5.00 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

KAJIAN SEMULA PELEPASAN CUKAI BAGI ANAK YANG MENUNTUT DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pembayar cukai individu diberi pelepasan untuk setiap orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. pelepasan sehingga RM4,000 (iaitu 4 kali pelepasan biasa bagi anak) untuk setiap orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan; dan
- ii. RM1,000 untuk setiap orang anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia.

Tuntutan pelepasan bagi anak yang menuntut hendaklah dibuktikan dengan mengemukakan dokumen sokongan. Pada kebiasaannya, perbelanjaan pendidikan setiap orang anak yang belajar di peringkat pendidikan tinggi adalah melebihi RM4,000 setahun.

Cadangan

Bagi meningkatkan bina upaya modal insan serta memudahkan prosedur memfailkan pembayaran cukai, dicadangkan supaya:

- i. pelepasan cukai sebanyak RM4,000 setahun diberi secara automatik bagi setiap orang anak yang belajar pada peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf; dan
- ii. pelepasan di perenggan (i) di atas juga diperluaskan kepada setiap orang anak yang belajar pada peringkat ijazah pertama dan ke atas di institusi pengajian tinggi di luar Malaysia yang diiktiraf.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**MEMPERKENALKAN PELEPASAN CUKAI BAGI ANAK KURANG UPAYA
YANG MENUNTUT DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pembayar cukai mendapat pelepasan sebanyak RM5,000 untuk setiap orang anak kurang upaya. Walau bagaimanapun, tiada pelepasan khusus diberi bagi anak kurang upaya yang menuntut sepenuh masa di peringkat pengajian tinggi.

Cadangan

Untuk mewujudkan layanan cukai yang saksama, dicadangkan pelepasan seterusnya sebanyak RM4,000 diberi bagi setiap orang anak kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat diploma dan ke atas di Malaysia atau di peringkat ijazah pertama dan ke atas di luar Malaysia.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**MEMPERLUASKAN SKOP PELEPASAN CUKAI
INDIVIDU UNTUK PENDIDIKAN LANJUTAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pelepasan sehingga had maksimum RM5,000 setahun diberi kepada pembayar cukai individu ke atas yuran pengajian bagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan dalam bidang sains, teknikal, vokasional, pembangunan kemahiran perindustrian serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Cadangan

Bagi terus membina upaya modal insan dan selaras dengan dasar pembelajaran sepanjang hayat, dicadangkan pelepasan individu ke atas yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun diperluaskan kepada pengajian profesional, perakaunan dan undang-undang di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dalam negara. Bidang profesion yang layak hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**LAYANAN CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN BAGI KURSUS
BARU OLEH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perbelanjaan yang dilakukan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) untuk membangun dan mematuhi keperluan peraturan bagi memperkenalkan kursus baru tidak layak mendapat potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi menggalakkan IPTS menambah kursus baru, dicadangkan supaya potongan untuk dituntut selama 3 tahun dibenarkan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh IPTS untuk:

- i. membangunkan kursus baru; dan
- ii. mematuhi keperluan peraturan bagi memperkenalkan kursus baru.

Tarikh permulaan potongan bagi perbelanjaan pembangunan kursus baru dibenarkan dari tahun penyempurnaan proses pembangunan kursus iaitu selepas tarikh ia diterima oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk tujuan pematuhan keperluan peraturan. Manakala bagi perbelanjaan untuk mematuhi keperluan peraturan, potongan dibenarkan mulai dari tahun penyempurnaan proses pematuhan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

MEMPERLUASKAN SKOP GALAKAN UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menjalankan kursus dalam bidang teknikal dan vokasional layak mendapat Elaun Cukai Pelaburan 100% bagi tempoh 10 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori. Galakan ini juga diberi kepada IPTS sedia ada yang menaik taraf peralatan atau menambah kapasitinya untuk menjalankan kursus tersebut. IPTS yang menjalankan kursus dalam bidang sains tidak layak mendapat galakan ini.

Cadangan

Untuk menambah bilangan saintis tempatan, dicadangkan Elaun Cukai Pelaburan 100% atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori diperluaskan kepada:

- i. IPTS dalam bidang sains; dan
- ii. IPTS sedia ada dalam bidang sains yang menambah pelaburan untuk menaik taraf peralatan atau menambah kapasitinya.

Kursus sains yang layak adalah seperti berikut:

- i. Bioteknologi
 - Bioteknologi Perubatan dan Kesihatan
 - Bioteknologi Tumbuhan
 - Bioteknologi Makanan
 - Bioteknologi Industri dan Persekitaran
 - Bioteknologi Farmaseutikal
 - Bioteknologi Bioinformatiks
- ii. Sains Perubatan dan Kesihatan
 - Sains Perubatan dalam Gerontologi
 - Sains Perubatan dalam Penyelidikan Klinikal
 - Biosains Perubatan
 - Genetiks Biokimia
 - Kesihatan Persekitaran
 - Kesihatan Masyarakat

- iii. Biologi Molekular
 - Immunologi
 - Immunogenetiks
 - Immunobiologi
- iv. Sains dan Teknologi Bahan
- v. Sains dan Teknologi Makanan

Senarai kursus yang layak akan dikaji semula dari masa ke semasa oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan kemukakannya kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 1 Oktober 2005.

GALAKAN BAGI SKIM LATIHAN SISWAZAH MENGGANGGUR

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, terdapat peluang pekerjaan dalam industri pasaran modal yang semakin berkembang maju. Langkah sewajarnya perlu diambil untuk meningkatkan *employability* siswazah menganggur supaya menceburi industri ini. Syarikat di dalam industri pasaran modal yang menjalankan program latihan untuk siswazah menganggur tidak diberi galakan cukai.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan sektor swasta menyediakan peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur, dicadangkan potongan dua kali diberi kepada syarikat tersenarai ke atas elaun yang dibayar kepada peserta di bawah program Latihan Graduan Menganggur, yang disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mulai 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2008 dan potongan ini diberi bagi tempoh 3 tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

**PENGURANGAN CUKAI JALAN KE ATAS
KENDERAAN PERSENDIRIAN DIESEL**

Kedudukan Semasa

Cukai jalan kenderaan diesel adalah lebih tinggi daripada kenderaan petrol, kecuali di Sarawak. Mulai 12 September 2005, cukai jalan ke atas kenderaan persendirian dan kenderaan perdagangan menggunakan petrol dan diesel telah dikurangkan seperti berikut:

- i. kenderaan persendirian kurang 1000 c.c. ditetapkan kepada RM30 setahun;
- ii. kenderaan persendirian antara 1000 c.c. dan 1600 c.c. dikurangkan sebanyak 50%;
- iii. kenderaan perdagangan dikurangkan sebanyak 25%.

Cadangan

Dengan mengambil kira jurang perbezaan harga antara petrol dan diesel yang semakin kecil, dicadangkan cukai jalan bagi kenderaan persendirian diesel yang melebihi 1600 c.c. dikurangkan sebanyak 40% kecuali di Sarawak.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 5 Oktober 2005.

**INSENTIF CUKAI UNTUK
INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM**

Kedudukan Semasa

Penggunaan *Industrial Building System* (IBS) perlu digalakkan dalam industri pembinaan tempatan. Sistem ini akan meningkatkan kualiti pembinaan, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan bersih serta mengurangkan pengantungan kepada pekerja asing. Perbelanjaan bagi pembelian acuan untuk mengeluarkan komponen IBS diberi elaun modal untuk tempoh 8 tahun.

Cadangan

Untuk menggalakkan penggunaan IBS, dicadangkan Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) diberikan ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi acuan yang digunakan untuk mengeluarkan komponen IBS. ACA ini akan ditolak sepenuhnya dalam tempoh 3 tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**MEMPERLUASKAN SKOP PENGECCUALIAN CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH KE ATAS RUMAH KEDIAMAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, seorang individu boleh menuntut pengecualian cukai keuntungan harta tanah (CKHT) ke atas sebuah rumah kediaman sekali seumur hidup. Walau bagaimanapun bagi pasangan yang telah berkahwin, hak membuat pilihan menuntut pengecualian CKHT hanya diberi kepada suami walaupun rumah kediaman berkenaan dimiliki oleh isteri, dengan syarat suami tidak pernah menuntut pengecualian tersebut sebelum berkahwin. Sebaliknya, sekiranya suami telah menuntut pengecualian berkenaan sebelum berkahwin, isteri tidak lagi layak membuat tuntutan walaupun rumah kediaman berkenaan dimiliki olehnya atau dimiliki bersama.

Dalam keadaan di mana suami telah memilih pengecualian CKHT untuk sebuah rumah kediaman yang dimiliki oleh isterinya, suami tidak lagi layak untuk memilih pengecualian CKHT ke atas rumah miliknya kelak.

Cadangan

Bagi memastikan layanan cukai yang saksama tanpa membezakan *gender*, dicadangkan pilihan untuk menuntut pengecualian CKHT bagi sebuah rumah kediaman diberi kepada suami dan isteri ke atas sebuah rumah kediaman setiap seorang sekali seumur hidup.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

**KAJIAN SEMULA PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS
ROYALTI DARIPADA HASIL KARYA SENI**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, individu pemastautin yang menerima pendapatan royalti atau bayaran dari penerbitan atau penggunaan atau hak mengguna hasil karya seni (selain daripada lukisan asli) dan *disc* atau pita rakaman, diberi pengecualian cukai pendapatan sehingga RM6,000 setahun.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan rakyat Malaysia menghasilkan karya seni, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas royalti atau bayaran daripada penerbitan, atau penggunaan atau hak mengguna hasil karya seni (selain daripada lukisan asli) dan *disc* atau pita rakaman dinaikkan sehingga RM10,000 setahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PERALATAN
UNTUK SENI PERSEMBAHAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, peralatan yang digunakan di pawagam layak mendapat pengecualian duti import manakala peralatan yang digunakan untuk aktiviti *production and/or post-production of film/video* layak mendapat pengecualian duti import dan cukai jualan. Walau bagaimanapun, peralatan yang digunakan dalam pertunjukan pentas dan persembahan tidak layak mendapat pengecualian cukai.

Cadangan

Bagi meningkatkan kualiti persembahan dan pertunjukan pentas, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan yang digunakan, dengan syarat peralatan tersebut adalah asasi dalam persembahan dan pertunjukan pentas dan tidak dikeluarkan dalam negara. Selain itu, pengecualian cukai jualan akan diberi sekiranya peralatan tersebut ada dikeluarkan dalam negara.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Oktober 2005.

KAJIAN SEMULA CUKAI PEGANGAN KE ATAS YURAN TEKNIKAL

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pendapatan yang diperoleh oleh tenaga pengajar mahir bukan pemastautin dalam bidang seni persembahan dan penghasilan kraf tertakluk kepada cukai pegangan 10%.

Cadangan

Bagi mencapai kecemerlangan seni persembahan dan penghasilan kraf yang kreatif, dicadangkan pendapatan yang diterima oleh seorang bukan pemastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam bidang tersebut dan bidang teknikal berkaitan dikecualikan daripada cukai pegangan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi tempoh 5 tahun mulai 1 Oktober 2005.

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS BIR DAN MINUMAN KERAS

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, struktur cukai ke atas bir dan minuman keras adalah seperti berikut:

Produk	Duti Import (RM seliter)	Duti Eksais (RM seliter)	Cukai Jualan (%)
Beer made from malt	5.00	6.00	20
Liquor	1.00 - 58.00	1.00 - 28.00	20

Cadangan

Bagi membendung gejala sosial kesan ketagihan minuman keras, dicadangkan duti eksais ke atas bir dan minuman keras dinaikkan dan cukai jualan diseragamkan pada kadar 5%. Di samping itu, struktur duti import ke atas beberapa produk minuman keras diselaraskan dengan struktur duti eksais. Butir-butir lanjut mengenai cadangan adalah seperti di Lampiran A.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 4.00 petang pada 30 September 2005.

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS ROKOK DAN PRODUK TEMBAKAU

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, struktur cukai bagi rokok dan produk tembakau adalah seperti berikut:

Produk	Duti Import	Duti Eksais	Cukai Jualan
Cigarettes, cheroots, cigars and cigarillos containing tobacco or tobacco substitutes	RM200/kg atau 20 sen/batang	RM81/kg atau 8.1 sen/batang	25%
Tobacco products	Antara 5%+RM40/kg dan 5%+RM70 /kg	RM10/kg dan RM20/kg	10%
Beedies	5%+RM14.50/kg	RM5/kg	10%

Cadangan

Bagi mendorong rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, dicadangkan kadar duti eksais ke atas rokok dan produk tembakau dinaikkan dan cukai jualan diseragamkan pada kadar 5%. Butir-butir lanjut mengenai cadangan adalah seperti di Lampiran B.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 4.00 petang pada 30 September 2005.

INSENTIF TAMBAHAN UNTUK MENGGALAKKAN PENGUNAAN GAS ASLI BAGI KENDERAAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, insentif cukai berikut diberi untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi kenderaan (NGV):

- i. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan untuk mengubahsuai kenderaan bagi mengguna gas asli;
- ii. pengurangan cukai jalan antara 25% dan 50% daripada kadar semasa bagi kenderaan *monogas*, *bi-fuel* dan *dual-fuel*; dan
- iii. Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan berkaitan dengan pembekalan gas asli yang dipasang di stesen minyak.

Walau bagaimanapun, peralatan dan enjin bagi bas *monogas* tidak layak mendapat galakan cukai.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan kenderaan menggunakan gas asli, dicadangkan:

- i. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan dan komponen berkaitan untuk bas dan kenderaan pengangkutan barangan yang diubahsuai kepada kenderaan *dual-fuel* (kenderaan diesel yang diubahsuai bagi menggunakan gas asli);
- ii. pemasang/pengilang kenderaan tempatan diberi pengecualian duti import ke atas *chassis fitted with engines* bagi bas *monogas* dan kenderaan pengangkutan barangan yang menggunakan gas asli;
- iii. pemasang/pengilang kenderaan tempatan diberi pengecualian duti import ke atas enjin NGV monogas untuk menggantikan enjin diesel bagi bas dan kenderaan pengangkutan barangan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Oktober 2005.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI UNTUK PENJANAAN TENAGA DARIPADA SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui seperti *biomass*, kuasa hidro (tidak melebihi 10 megawatt) dan kuasa suria layak mendapat galakan berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun;

ATAU

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori; dan

- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk aktiviti berkenaan dengan syarat peralatan tersebut tidak dikeluarkan dalam negara. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas peralatan yang ada dikeluarkan dalam negara.

Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan. Galakan ini akan tamat pada 31 Disember 2005.

Cadangan

Untuk menggalakkan penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui, dicadangkan galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan ditambah baik seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ditingkatkan kepada 100% ke atas pendapatan statutori dan tempoh galakan dilanjutkan daripada 5 kepada 10 tahun;

ATAU

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ditingkatkan kepada 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam

tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Di samping itu, tempoh galakan Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan ini serta pengecualian duti import dan cukai jualan dilanjutkan selama 5 tahun sehingga 31 Disember 2010.

Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 1 Oktober 2005. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang telah diluluskan galakan dalam tempoh satu tahun sebelum 1 Oktober 2005 tetapi masih belum melaksanakan projek atau permohonan sedang dalam pertimbangan juga layak mendapat galakan ini.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI UNTUK PENJIMATAN TENAGA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, insentif untuk menggalakkan penjimatan tenaga adalah seperti berikut:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun;

ATAU

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori; dan

- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan dalam aktiviti tersebut dengan syarat peralatan tidak dikeluarkan dalam negara. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas peralatan yang ada dikeluarkan dalam negara.

Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan. Galakan ini akan tamat pada 31 Disember 2005.

B. Syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:

- i. Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan penjimatan tenaga dihapus kira dalam tempoh satu tahun; dan
- iii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk aktiviti tersebut dengan syarat peralatan tidak dikeluarkan dalam negara. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas peralatan yang ada dikeluarkan dalam negara.

Cadangan

Untuk terus menggalakkan penjimatan tenaga, adalah dicadangkan:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga:

Tempoh permohonan galakan cukai Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan serta pengecualian duti import dan cukai jualan dilanjutkan selama 5 tahun sehingga 31 Disember 2010. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

B. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori. Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2010.

**KAJIAN SEMULA KEPERLUAN
PEWARTAAN PERINTAH PENGECCUALIAN CUKAI**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pengecualian cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem yang diberi secara kes demi kes atau kelas pendapatan atau kelas orang memerlukan pemberitahuan melalui pewartaan perintah bagi menguatkuasakannya. Walau bagaimanapun, pengecualian duti secara kes demi kes di bawah Akta Kastam 1967 berkuat kuasa tanpa memerlukan pemberitahuan melalui pewartaan perintah. Prosedur untuk menyediakan perintah pengecualian berkenaan menyulitkan dan mengambil masa panjang.

Cadangan

Untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan supaya pengecualian cukai dapat dinikmati secepat mungkin, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem yang diberi secara kes demi kes berkuat kuasa tanpa memerlukan pemberitahuan melalui pewartaan perintah.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

Pada masa ini, duti import yang tinggi sehingga 30% dikenakan ke atas barangan terpilih bagi melindungi pengeluar tempatan. Sebagai langkah berterusan untuk meningkatkan daya saing pengeluar tempatan, dicadangkan duti import ke atas 51 barangan dikurangkan daripada antara 25% dan 30% kepada 20% dan 25%. Di samping itu, bagi mengelakkan barangan berduti diikrar sebagai barangan tidak berduti, dicadangkan duti import 10% dikenakan ke atas 3 barangan. Butir-butir lanjut mengenai cadangan adalah seperti di Lampiran C.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 4.00 petang pada 30 September 2005.

**LAYANAN CUKAI KE ATAS MANFAAT DARIPADA
SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, manfaat yang diperoleh oleh pekerja daripada Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dalam bentuk saham pada harga diskaun dianggap pendapatan kasar dan dengan itu tertakluk kepada cukai pendapatan. Bagi maksud cukai pendapatan, nilai manfaat bagi setiap unit opsyen saham tersebut ditentukan berdasarkan perbezaan antara harga saham di pasaran pada tarikh tawaran, dengan harga diskaun yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja. Nilai manfaat ini tidak mengambil kira harga saham pada tarikh opsyen dilaksanakan.

Di samping itu, manfaat ini dikenakan cukai pada tahun opsyen dilaksanakan. Walau bagaimanapun, jumlah cukai kena bayar adalah berdasarkan kiraan cukai pada tahun tawaran dibuat.

Keadaan ini tidak menggalakkan pekerja melaksanakan opsyen jika harga saham menurun serta melibatkan pelarasan cukai pendapatan bagi tahun ESOS ditawarkan.

Cadangan

Bagi memastikan manfaat ESOS kepada pekerja tidak terjejas jika harga saham menurun, dicadangkan nilai manfaat bagi setiap unit opsyen saham ditentukan berdasarkan perbezaan antara harga saham di pasaran pada tarikh opsyen dilaksanakan atau boleh dilaksanakan, mengikut mana yang terendah, dengan harga diskaun yang ditawarkan oleh majikan. Manfaat ini dikenakan dan dikira cukai pada tahun opsyen dilaksanakan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

**PERUNTUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN TAKSIRAN
CUKAI DIBUAT SELEPAS TEMPOH ENAM TAHUN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri hanya dibenarkan untuk membuat taksiran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum dan cukai keuntungan harta tanah dalam tempoh 6 tahun.

Cadangan

Bagi memantapkan pentadbiran cukai dan memastikan tiada kebocoran cukai, dicadangkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri diberi kuasa untuk membuat taksiran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum dan cukai keuntungan harta tanah selepas tempoh 6 tahun dalam hal taksiran ditentukan oleh mahkamah, atau disebabkan penarikan balik, pengecualian, peremitan atau galakan cukai.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

MELUASKAN SKOP TABUNG BAYARAN BALIK CUKAI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, Tabung Bayaran Balik Cukai telah ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tujuan bayaran balik cukai pendapatan. Tabung ini beroperasi mulai 1 Januari 2005. Walau bagaimanapun, pembayaran balik cukai langsung selain daripada cukai pendapatan tidak dapat dibuat melalui Tabung ini.

Cadangan

Bagi mempercepatkan bayaran balik lain-lain cukai langsung, dicadangkan skop Tabung Bayaran Balik Cukai diperluaskan untuk merangkumi bayaran balik cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006.

MENINGKATKAN KOMPETENSI EJEN CUKAI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, ejen cukai adalah seseorang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang pada asasnya mempunyai ijazah dan pengalaman dalam bidang percukaian sekurang-kurangnya selama 5 tahun. Selain itu, juruaudit yang dilesenkan secara automatik boleh menjadi ejen cukai. Arus globalisasi kini telah menambah bilangan serta meningkatkan kompleksiti transaksi perniagaan korporat. Keadaan ini memerlukan tahap profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam pengendalian urusan percukaian.

Cadangan

Untuk meningkatkan kompetensi ejen cukai, dicadangkan seseorang yang ingin mengendalikan urusan percukaian dikehendaki mendapatkan lesen ejen cukai. Cadangan ini meliputi juruaudit yang dilesenkan. Walau bagaimanapun, juruaudit yang telah dilesenkan sebelum 1 Januari 2006 dibenarkan menjalankan tugas sebagai ejen cukai. Sehubungan ini, garis panduan pemberian lesen juruaudit akan diselaraskan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006.

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS BIR DAN MINUMAN KERAS

KOD TARIF	DESKRIPSI	DUTI EKSAIS		CUKAI JUALAN	
		Kadar Semasa (RM seliter)	Kadar Dicadang (RM seliter)	Kadar Semasa (%)	Kadar Dicadang (%)
2203.00	Beer made from malt:				
2203.00 100	Not exceeding 5.8% vol	6.00	7.40 per litre and 15%	20	5
900	Other	6.00	7.40 per litre and 15%	20	5
22.04	Wine of fresh grapes, including fortified wines; grape must other than that of heading No. 20.09.				
2204.10 000	- Sparkling wine	28.00	34.00 per litre and 15%	20	5
	- Other wine; grape must with fermentation prevented or arrested by the addition of alcohol:				
2204.21	- - In containers holding 2 l or less:				
100	Wine	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
200	Grape must with fermentation prevented or arrested by the addition of alcohol	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
2204.29	- - Other:				
100	Wine	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
200	Grape must with fermentation prevented or arrested by the addition of alcohol	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
2204.30 000	- Other grape must	8.00	12.00 per litre	-	-
22.05	Vermouth and other wine of fresh grapes flavoured with plants or aromatic substances.				
2205.10 000	- In containers holding 2 l or less	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
2205.90 000	- Other	8.00	12.00 per litre and 15%	20	5
2206.00	Other fermented beverages (for example, cider, perry, mead); mixtures of fermented beverages and mixtures of fermented beverages and non-alcoholic beverages, not elsewhere specified or included.				
100	Cider and perry	1.00	1.50 per litre and 15%	20	5
200	Rice wine (including sake and medicated rice wine)	3.00	22.50 per 100% vol per litre and 15%	20	5
300	Mead	3.00	4.00 per litre and 15%	20	5

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS BIR DAN MINUMAN KERAS

KOD TARIF	DESKRIPSI	DUTI EKSAIS		CUKAI JUALAN	
		Kadar Semasa (RM seliter)	Kadar Dicapang (RM seliter)	Kadar Semasa (%)	Kadar Dicapang (%)
400	Wines obtained by the fermentation of fruit juices, other than juice of fresh grapes (fig, date or berry wines), or of Other:	2.00	30.00 per 100% vol per litre and 15%	20	5
910	Toddy, bottled or canned	1.00	1.10 per litre and 15%	20	5
990	Other	2.00	30.00 per 100% vol per litre and 15%	20	5
22.07	Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of 80% vol or higher; ethyl alcohol and other spirits, denatured, of any strength.				
2207.10 000	- Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of 80% vol or higher	16.00	RM 22.50 per 100% vol per litre and 15%	20	5
2207.20	- Ethyl alcohol and other spirits, denatured of any strength:				
100	Ethyl alcohol, denatured to the satisfaction of the Director General of Customs	-	-	5	5
900	Other	1.00	1.10 per litre and 15%	20	5
22.08	Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of less than 80% vol; spirit, liqueurs and other spirituous beverages.				
2208.20	- Spirits obtained by distilling grape wine or grape marc:				
100	Brandy	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
900	Other	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
2208.30 000	- Whiskies	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
2208.40 000	- Rum and tafia	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
2208.50 000	- Gin and Geneva	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
2208.60 000	- Vodka	8.00	25.00 per litre and 15%	20	5
	Other spirituous beverages:				
910	Exceeding 0.5% vol but not exceeding 1.14% vol	0.10	0.10 per litre and 15%	20	5
990	Other	5.00	RM 35.00 per 100% vol per litre and 15%	20	5

PENYELARASAN DUTI IMPORT KE ATAS MINUMAN KERAS

KOD TARIF	DESKRIPSI	DUTI IMPORT	
		Kadar Semasa (RM seliter)	Kadar Dicadang (RM)
2206.00	Other fermented beverages (for example, cider, perry, mead); mixtures of fermented beverages and mixtures of fermented beverages and non-alcoholic beverages, not elsewhere specified or included.		
200	Rice wine (including sake and medicated rice wine)	5.00	25.50 per 100% vol per litre
400	Wines obtained by the fermentation of fruit juices, other than juice of fresh grapes (fig, date or berry wines), or of vegetable juices	13.00	108.50 per 100% vol per litre
990	Other: other	11.00	108.50 per 100% vol per litre
22.07	Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of 80% vol or higher; ethyl alcohol and other spirits, denatured, of any strength.		
2207.10 000	- Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of 80% vol or higher	54.00	60.00 per 100% vol per litre
22.08	Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of less than 80% vol; spirit, liqueurs and other spirituous beverages.		
2208.70	- Liqueurs and cordials:		
100	Liqueurs and similar beverages not exceeding 57% vol	28.00	93.50 per 100% vol per litre
900	Other	39.00	64.50 per 100% vol per litre
2208.90	- Other:		
100	Samsu (including medicated samsu)	15.00	26.50 per 100% vol per litre
2208.90 990	Other spirituous beverages: other	17.00	64.50 per 100% vol per litre

LAMPIRAN B

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS ROKOK DAN BARANGAN TEMBAKAU

KOD TARIF	DESKRIPSI	DUTI EKSAIS		CUKAI JUALAN	
		Kadar Semasa (RM)	Kadar Dicalang (RM)	Kadar Semasa (%)	Kadar Dicalang (%)
24.02	Cigars, cheroots, cigarillos and cigarettes, of tobacco or of tobacco substitutes.				
2402.10 000	- Cigars, cheroots and cigarillos, containing tobacco	81.00/kg	110.00/kg and 20%	25	5
2402.20	- Cigarettes containing tobacco:				
100	Beedies	5.00/kg	7.00/kg and 5%	10	5
900	Other	0.081/stick	0.11/stick and 20%	25	5
2402.90	- Other:				
100	Cigars, cheroots and cigarillos, containing tobacco substitutes	81.00/kg	110.00/kg and 20%	25	5
200	Cigarettes containing tobacco substitutes	0.081/stick	0.11/stick and 20%	25	5
24.03	Other manufactured tobacco and manufactured tobacco substitutes; "homogenised" or "reconstituted" tobacco; tobacco extracts and essences.				
2403.10	- Smoking tobacco, whether or not containing tobacco substitutes in any proportion:				
	Packed for retail sale:				
110	In airtight containers	20.00/kg	25.00/kg and 5%	10	5
190	Other	20.00/kg	25.00/kg and 5%	10	5
900	Other	10.00/kg	14.00/kg and 5%	10	5
	- Other:				
2403.91	- - "Homogenised" or "reconstituted" tobacco:				
100	For retail sale	20.00/kg	25.00/kg and 5%	10	5
2403.99	- - Other:				
200	Snuff	20.00/kg	25.00/kg and 5%	10	5

LAMPIRAN C

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
48.02	Uncoated paper and paperboard, of a kind used for writing, printing or other graphic purposes, and non-perforated punch-cards and punch tape paper, in rolls or rectangular (including square) sheets, of any size, other than paper of heading 48.01 or 48.03; hand-made paper and paperboard.		
4802.20	- Paper and paperboard of a kind used as a base of photo-sensitive, heat-sensitive or electro-sensitive paper or paperboard: Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
4802.40	- Wallpaper base Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
4802.54	- - Weighing less than 40 g/m ² : Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size:		
111	in strips, rolls or sheets	25	20
4802.55	- - Weighing 40 g/m ² or more but not more than 150 g/m ² , in rolls: Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size		
110		25	20
4802.56	- - Weighing 40 g/m ² or more but not more than 150 g/m ² , in sheets with one side not exceeding 435mm and the other side not exceeding 297mm in the unfolded state: Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size		
110		25	20
4802.57	- - Other, weighing 40 g/m ² or more but not more than 150 g/m ² : Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size		
111	in strips or sheets	25	20
4802.58	- - Weighing more than 150 g/m ² : Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size:		
111	in strips, rolls or sheets	25	20
4802.61	- Other paper and paperboard, of which more than 10% by weight of the total fibre content consists of fibres obtained by a mechanical or chemical process: - - In rolls: Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size		
110		25	20
4802.62	- - In sheets with one side not exceeding 435mm and the other side not exceeding 297mm in the unfolded state: Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size		
110		25	20

LAMPIRAN C

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
4802.69	- - Other: Paper and paperboard, of a kind used for writing, printing and other graphic purposes: cut to size:		
48.05	111 in strips or sheets	25	20
4805.12	Other uncoated paper and paperboard, in rolls or sheets, not further worked or processed than as specified in Note 3 to this Chapter. - Fluting paper: - - Straw fluting paper: Weighing more than 150 g/m2 but less than 225 g/m2	Nil	10
4805.19	200 - - Other: Weighing more than 150 g/m2 but less than 225 g/m2	Nil	10
4805.25	100 - Testliner (recycled liner board) - - Weighing more than 150 g/m2 Weighing more than 150 g/m2 but less than 225 g/m2	Nil	10
48.10	Paper and paperboard, coated on one or both sides with kaolin (China clay) or other inorganic substances, with or without a binder, and with no other coating, whether or not surfaced-coloured, surface-decorated, or printed, in rolls or rectangular (including square) sheets, of any size. Paper and paperboard of a kind used for writing, printing or other graphic purposes, not containing fibres obtained by a mechanical or chemi-mechanical process or of which not more than 10% by weight of the total fibre content consists of such fibres:		
4810.13	- - in rolls: Cut to size: printed for self-recording apparatus	25	20
4810.14	- - In sheets with one side not exceeding 435mm and the other side not exceeding 297mm in the unfolded state: Cut to size: printed for self-recording apparatus	25	20
4810.19	- - Other: Cut to size: printed for self-recording apparatus	25	20
4810.22	- - Light-weight coated paper: Cut to size: rolls, sheets and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
4810.29	- - Other: Cut to size: rolls, sheets and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
4810.31	- Kraft paper and paperboard, other than that of a kind used for writing, printing or other graphics purposes: - - Bleached uniformly throughout the mass and of which more than 95% by weight of the total fibre content consists of wood fibres obtained by a chemical process, and weighing 150 g/m2 or less:		

LAMPIRAN C

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
110	Cut to size rolls, sheets and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
191	other: in strips, rolls or sheets	25	20
4810.32	- - Bleached uniformly throughout the mass and of which more than 95% by weight of the total fibre content consists of wood fibres obtained by a chemical process, and weighing more than 150 g/m ² :		
110	Cut to size: rolls, sheets and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
191	other: in strips, rolls or sheets	25	20
4810.92	- Other paper and paperboard:		
	- - Multi-ply:		
110	Cut to size: rolls, sheet and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
191	other: in strips, rolls or sheets	25	20
4810.99	- - Other:		
110	Cut to size: rolls, sheets and dials, printed for self-recording apparatus	25	20
191	other: in strips, rolls or sheets	25	20
4811	Paper, paperboard, cellulose wadding and webs of cellulose fibres, coated, impregnated, covered, surface-coloured, surface-decorated or printed, in rolls or rectangular (including square) sheets, of any size other than goods of the kind described in heading No. 48.03, 48.09 or 48.10.		
4811.10	- Tarred, bituminised or asphalted paper and paperboard: Paper-based asphalt roofing:		
111	Cut to size: in strips, rolls or sheets	25	20
911	Other: Cut to size: in strips, rolls or sheets	25	20
4811.41	- Gummed or adhesive paper and paperboard:		
	- - Self adhesive:		
110	Cut to size: in strips, rolls or sheets	25	20
900	Other	25	20
4811.49	- - Other:		
110	Cut to size: in strips, rolls or sheets	25	20
900	Other	25	20
	- Paper and paperboard coated, impregnated or covered with plastic (excluding adhesive):		

LAMPIRAN C

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
4811.51	- - Bleached, weighing more than 150 g/m ² : Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
110	Cut to size: in strips, rolls or sheets	25	20
4811.59	- - Other: Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
4811.60	- - Paper and paperboard, coated, impregnated or covered with wax, paraffin wax, stearin, oil or glycerol: Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
4811.90	- - Other paper, paperboard, cellulose wadding and webs of cellulose fibres: Cut to size:		
110	in strips, rolls or sheets	25	20
69.02	Refractory bricks, blocks, tiles and similar refractory ceramic constructional goods, other than those of siliceous fossil meals or similar siliceous earths.		
6902.10	000 - Containing by weight, singly or together, more than 50% of the elements Mg, Ca, or Cr, expressed as MgO, CaO or Cr ₂ O ₃	25	20
6902.20	000 - Containing by weight more than 50% of alumina (Al ₂ O ₃), of silica (SiO ₂) or of a mixture or compound of these products	25	20
6902.90	000 - Other	25	20
7019	Glass fibres (including glass wool) and articles thereof (for example, yarn, woven fabrics)		
	- Slivers, rovings, yarn and chopped strands;		
7019.12	000 - - Rovings	25	20
7019.19	- - Other:		
900	Other	25	20
	- Thin sheets (voiles), webs, mats, mattresses, boards and similar nonwoven products:		
7019.31	000 - - Mats	25	20
7019.39	000 - - Other	25	20
7019.40	000 - Woven fabrics of rovings	25	20
	- Other woven fabrics:		
7019.51	000 - - Of a width not exceeding 30 cm	25	20
7019.52	000 - - Of a width exceeding 30 cm, plain weave, weighing less than 250g/m ² , of filaments measuring per single yarn not more than 136 tex	25	20
7019.59	000 - - Other	25	20
7019.90	- Other		
100	Fibre (including wool)	25	20

LAMPIRAN C

KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
8509	Electro-mechanical domestic appliances, with self-contained electric motor.		
8509.20 000	- Floor polishes	30	25
8516	Electric instantaneous or storage water heaters and immersion heaters; electric space heating apparatus and soil heating apparatus; electro-thermic hair dressing apparatus (for example, hair dryers, hair curlers, curling tong heaters) and hand dryers; electric smoothing irons; other electro-thermic appliances of a kind used for domestic purposes; electric heating resistors, other than those of heading No. 85.45.		
8516.32 000	- - Other hair-dressing apparatus	25	20
8516.33 000	- - Hand-drying apparatus	25	20
	- Other electro-thermic appliances:		
8516.71 000	- - Coffee or tea makers	25	20
8516.72 000	- - Toasters	25	20
8524	Records, tapes and other recorded media for sound or other similarly recorded phenomena, including matrices and masters for the production of records, but excluding products of Chapter 37.		
8524.60 000	- Cards incorporating a magnetic stripe	30	25